



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 26/2018 dari 24 hingga 30 Jun 2018)

Kes Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-26 iaitu bermula dari 24 hingga 30 Jun 2018 menunjukkan peningkatan kes. Sejumlah 2,053 kes Denggi telah dilaporkan pada minggu ke-26, peningkatan 320 kes (18.5%) berbanding minggu sebelumnya iaitu 1,731 kes. Situasi ini amat membimbangkan kerana peningkatan kes yang berterusan boleh menyebabkan penularan kes yang diluar kawalan. Keupayaan penularan kes Denggi adalah tinggi apabila bilangan kes melebihi dua ribu kes seminggu. Perkara ini boleh menyebabkan peningkatan kes dan kematian Denggi secara berterusan dengan drastik. Oleh itu, Pihak Berkuasa Tempatan, agensi-agensi, pasukan COMBI dan masyarakat perlu mengambil peranan dengan segera bagi mengatasi masalah ini. Terdapat 11 negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor 202 kes, Perak 42 kes, Johor 33 kes, Sabah 22 kes, Negeri Sembilan 5 kes, Kedah 4 kes, Sarawak 2 kes, dan Pahang 1 kes.

Terdapat tiga (3) kes kematian Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-26, menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 53 kematian, berbanding 110 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu pengurangan sebanyak 57 kematian (51.8%).

Jumlah lokaliti wabak semasa meningkat sebanyak 92 lokaliti (15%), iaitu 692 lokaliti pada minggu ke-26 berbanding 600 lokaliti pada minggu sebelumnya. Manakala sebanyak 98 lokaliti hotspot melibatkan lima (5) buah negeri iaitu Selangor (76), WPKL-Putrajaya (12), Pulau Pinang empat (4), Johor empat (4), dan Sabah dua (2) telah dilaporkan.

Tiada kes Chikungunya yang dilaporkan pada minggu ke-26. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 30 Jun 2018 adalah sebanyak 70 kes iaitu 29 kes di Daerah Pasir Puteh, 27 kes di Daerah Tumpat, enam (6) kes di Daerah Kota Bharu, dua (2) kes di Daerah Kuala Muda, manakala masing-masing satu (1) kes di daerah Sik, Meradong, Machang, Kangar, Sepang dan Penampang.

Bagi penyakit Zika, berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) didapati 1397 sampel darah dan 11 sampel urin pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Berdasarkan pemantauan Bilik Gerakan Kebangsaan Malaysia (CPRC), didapati peningkatan tren kes denggi di seluruh Malaysia sejak dari minggu epid 19 (9 Mei 2018) sehingga kini. Ini adalah disebabkan beberapa acara yang telah berlaku seperti Pilihanraya Umum, dan Hari Raya Aidilfitri yang menyebabkan pergerakan masyarakat di seluruh Malaysia. Oleh sebab itu, KKM menyeru rakyat Malaysia bagi memperkukuhkan kawalan Denggi dengan memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk Aedes disekitar kawasan rumah dan memakai repelen untuk keluar dari premis pada waktu awal pagi dan lewat petang. Dinasihatkan juga, masyarakat untuk tidak mengunjungi

lokaliti wabak dan hotspot.

Malaysia menjadi tuan rumah bagi ASEAN DENGUE DAY yang akan berlangsung pada 7 Julai 2018 di Sekolah Rendah Agama Kayu Ara, Damansara. Sambutan ini akan dirasmikan oleh YB Menteri Kesihatan dan dihadiri oleh deligasi dari semua negara ASEAN. Ini menunjukkan komitmen negara- negara ASEAN dalam menangani isu Denggi di rantau ini. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**



DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

6 Julai 2018

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 26/2018
(24 hingga 30 Jun 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 26/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 26/2017	
		Minggu 26 (24 Jun – 30 Jun 2018)		Minggu 25 (17 Jun – 23 Jun 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	4	0	10	0	128	0	112	0
2	Kedah	55	1	51	0	944	3	871	4
3	P. Pinang	113	0	119	0	2185	2	1204	8
4	Perak	86	1	44	0	1556	4	4065	7
5	Selangor	1263	1	1,061	0	18249	14	27089	41
6	WP KL & Putrajaya	209	0	202	1	2779	6	5050	17
7	N. Sembilan	38	0	33	0	648	0	2169	10
8	Melaka	22	0	12	0	267	0	806	1
9	Johor	139	0	106	0	2747	7	3920	11
10	Pahang	20	0	19	0	435	2	980	2
11	Terengganu	9	0	9	0	102	0	164	1
12	Kelantan	20	0	14	0	452	1	1643	2
13	Sarawak	14	0	12	0	254	1	639	3
14	Sabah	56	0	34	0	1642	13	991	3
15	WP Labuan	5	0	5	0	47	0	23	0
	MALAYSIA	2,053	3	1,731	1	32435	53	49726	110

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 26/2018
(24 hingga 30 Jun 2018)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pangsapuri Kristal)	23	115
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	46	102
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	63	99
4	SELANGOR	Gombak	Appt Casmaria	36	94
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Suria : Blok 1 - 8)	34	92
6	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres E : Jln 7/29 - 7/35)	47	90
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres D : Jln 7/23 - 7/27)	27	86
8	SELANGOR	Petaling	Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)	60	84
9	SELANGOR	Gombak	Rawang Integrated Industrial Park	53	83
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Flat A : Blok 1 - 10)	18	81
11	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Nuri Bandar Bukit Mahkota	58	81
12	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Kenanga Tbr Bb	64	79
13	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Brunfield Riverview)	43	78
14	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Kelana Puteri Kondo	45	78
15	WPKL	Cheras	Appt Sri Rakyat	17	77
16	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	34	76
17	SELANGOR	Petaling	Seksyen 19 (Teres D : Jln 19/16 - 19/23d)	14	75
18	P PINANG	Timur Laut	Desa Bistari	43	75

19	SELANGOR	Petaling	Seksyen 20 (Kuarters Polis : Blok 5 - 12)	29	71
20	SELANGOR	Klang	Taman Bayu Perdana (Appartment Prima Bayu)	22	70
21	WPKL	Lembah Pantai	Appt Kinrara Mas	25	68
22	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 (Kg Baru Hicom : Jln Bunga Tanjung)	23	68
23	SELANGOR	Petaling	Usj 21 (The Main Place Residences)	38	67
24	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Mega Indah	9	65
25	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Kelana Putera Kondo	16	65
26	SELANGOR	Petaling	Tmn Puncak Kinrara 2 (Blok A)	18	64
27	SELANGOR	Petaling	Pjs 11/7 (Nadayu Resident)	8	60
28	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Perdana (Lp 7-Flat)	13	59
29	SELANGOR	Petaling	Usj 2/5	26	58
30	WPKL	Cheras	Bayu Tasik Condo 2	8	57
31	P PINANG	Timur Laut	Jalan Abdullah Ariff	13	56
32	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 (Puncak Perdana : Uitm)	35	56
33	SELANGOR	Hulu Langat	Kuis	30	55
34	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Kenangan	14	55
35	WPKL	Cheras	Ppr Sri Alam B (Blok 6 - Blok 12)	19	54
36	JOHOR	Johor Bharu	Forest City_Tyoc Plot 4	15	54
37	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Putra (Vista Pinggiran)	8	54
38	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 (Kg Baru Hicom : Jln Bunga Melor)	7	54
39	WPKL	Cheras	Taman Connaught(Seri Cendekia Kondo)	11	51
40	SELANGOR	Petaling	Du Ss 2 (4)	11	51
41	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psrn Perdana (One South)	11	50
42	SELANGOR	Klang	Apartment Sri Angkasa (Bayu Perdana)	26	50

43	SELANGOR	Hulu Selangor	Jalan Bunga Kertas 2 & 3, Bs	26	48
44	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Sky Villa, Kesidang & Rumah Kedai)	16	48
45	SELANGOR	Petaling	Seksyen U16 (Denai Alam Teres H : Jln U16/69 - U16/72)	19	47
46	WPKL	Cheras	Ppr Taman Mulia	18	47
47	SELANGOR	Klang	T.S Jalan Hulubalang 10	10	47
48	SELANGOR	Klang	Bandar Puteri (Jln Pending 1)	11	47
49	SELANGOR	Petaling	Tmn Puncak Kinrara 2 (Blok B)	13	47
50	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Anggerik Tbr Bb	20	47
51	P PINANG	Timur Laut	Jalan Terengganu	9	46
52	P PINANG	Timur Laut	Flat Jalan Kurau	20	46
53	SELANGOR	Petaling	Seksyen U19 (Tmn.Sri Buloh&Rmh Mrh Pkns:Jln U19/1-U19/12c&Rmh Pngsa Tmn Sri Blh)	6	45
54	SELANGOR	Klang	Telok Gadong (Jln Yadi Lot 601)	10	45
55	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Jalan 6c/9-6c/11 Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	24	45
56	JOHOR	Johor Bharu	Forest City_Giant Leap Plot 4	15	44
57	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Sl 4 Bandar Sungai Long	8	44
58	SELANGOR	Petaling	Subang Jaya (Dk Senza Condominium Jln Taylors)	8	44
59	SELANGOR	Klang	Kg Delek Kanan (Lot 3524)	23	43
60	SELANGOR	Klang	Kg Sg Udang (Lot 2174)	15	41
61	SELANGOR	Gombak	Appt Sri Wira Up	12	41
62	WPKL	W/P Putrajaya	Presint 1- Kuarters &Asrama Sm Sultan Alam Shah	21	41
63	JOHOR	Johor Bharu	Forest City_Tiec Plot 26	7	40
64	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Dalma Semenyih	13	40
65	WPKL	Cheras	Ppr Desa Tun Razak	7	40

66	SELANGOR	Petaling	Seksyen 19 (Teres F : Jln 19/32 - 19/38b)	14	40
67	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Puteri Subang : Jln U5/118-U5/121b, Jln U5/Ac,U5/Ad&U5/Ae)	6	39
68	WPKL	Lembah Pantai	Jalan Abraham	8	39
69	SELANGOR	Gombak	Sri Maya Condo	6	39
70	SELANGOR	Klang	Seksyen 32 (Apt Rimau Indah)	9	39
71	SELANGOR	Petaling	Seksyen U20 (Fasa 1b Bbsb : Jln 1b/1 - 1d/5)	10	39
72	WPKL	Kepong	Dutamas (Hartamas Regency 2 Condominium)	9	38
73	SELANGOR	Gombak	Appt Bkt Rawang Putra	9	38
74	SELANGOR	Gombak	Kg Tengah	8	37
75	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Panglima	8	36
76	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 (Kg Baru Hicom : Jln Bunga Tanjung 5)	5	36
77	SELANGOR	Klang	T.S.A (Jln Sri Mersing 33)	7	36
78	SABAH	Tawau	Ju04 Taman Ria 6	5	36
79	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Teres A : Jln 8/1 - 8/13)	7	36
80	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tropika 2 Taman Tropika	15	35
81	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Lestari	13	35
82	SELANGOR	Gombak	Tmn Velox	25	34
83	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru Zon 7	6	34
84	SELANGOR	Petaling	Du Ss 2 (1)	12	34